

Tujuh syarat selesaikan krisis Datuk Kelana

8.6.87

SEREMBAN, Ahad — Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang hari ini menggariskan tujuh perkara penting bagi menamatkan krisis pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Jurucakap mereka berkata, syarat utama ialah perlunya Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan bertindak tegas untuk menegakkan keadilan yang bersendikan 'Adat mengawal pesaka dan bukannya penyandang pesaka yang mengawal adat.'

Menurut beliau, mereka berpendapat krisis ini akan terus berlanjutan jika dewan tidak bersungguh-sungguh dalam mencari jalan penyelesaian.

Dalam satu kenyataan di sini, jurucakap itu mahu dewan mengambil kira enam perkara lain iaitu:

● Mengenenpikan segala unsur negatif yang telah meresap ke dalam sistem pentadbiran adat Luak Sungai Ujong serta dijadikan landasan untuk tujuan kurang sihat oleh golongan tertentu. Ini termasuk isu kuasa veto Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai, kuasa autonomi Telaga Undang dan kuasa monopoli Rumpun Bayu;

● Kata adat seperti 'mata hitam dan mata putih' tidak boleh digunakan kerana pesaka Datuk Kelana ke-10 tidak hilang tetapi 'sekadar diputarbelitkan oleh Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai yang mengkhianati amanah anak-anak Waris';

● Anak-anak Waris Kelana Luak Sungai Ujong telah memberi mandat kepada dewan untuk membuat rumusan ke arah menamatkan krisis ini dan dewan tidak sepatutnya menyerahkan kembali mandat itu kepada Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai;

● Dewan tidak sepatutnya 'memberi muka' kepada Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai yang dikatakan melanggar amanah kerana ia akan hanya memburukkan lagi suasana;

● Pentadbiran adat di Luak Sungai Ujong sejak kebelakangan ini seolah-olah telah menjadi lemah dan golongan tertentu termasuk Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai sudah memutarbelitkannya untuk kepentingan sendiri;

● Dalam keadaan sekarang, siapa sahaja boleh mengisytiharkan Rumpunnya sebagai anak Waris Negeri, Waris Tasak, penyandang Pesaka Besar Berketurunan dan Waris Nan Tertua. Mereka juga boleh mencipta pelbagai kata adat yang bersendikan falsafah 'tepok dada tanya selera' asalkan mereka mempunyai kuasa dan wang ringgit.

Sehubungan itu, jurucakap itu meminta semua pengamal adat di Luak Sungai Ujong supaya menentang segala gejala kurang sihat yang berlaku sekarang kerana 'menentang kemungkaran adalah satu ibadat bagi umat Islam.